



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN PENGARUH SIKAP
KE ATAS PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA
MELAYU DI KALANGAN PELATIH
MAKTAB PERGURUAN**

ABU BAKAR BIN MOHO SHEIKH

FPP 1999 61

**PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN PENGARUH SIKAP
KE ATAS PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA
MELAYU DI KALANGAN PELATIH
MAKTAB PERGURUAN**

ABU BAKAR BIN MOHD SHEIKH

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1999



**PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN PENGARUH SIKAP
KE ATAS PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA
MELAYU DI KALANGAN PELATIH
MAKTAB PERGURUAN**

Oleh

ABU BAKAR BIN MOHD SHEIKH

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
daripada syarat keperluan Ijazah Master
Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Februari 1999



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan Tesis Master: BBM 559B ini sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperoleh Ijazah Master Sains (Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama).

Kajian yang bertajuk "Penguasaan Bahasa Melayu dan Pengaruh Sikap Ke Atas Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu Di Kalangan Pelatih Maktab Perguruan" ini dijalankan demi menyedari peri pentingnya pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, khususnya dalam aspek tatabahasa. Kepentingan ini dilihat dari segi penguasaan bahasa Melayu (SPM) dan pengaruh sikap golongan penyampai atau pelaksana, iaitu guru. Faktor guru ini perlu dikaji dengan lebih mendalam lagi, selain kajian yang dijalankan ini.

Dengan ini juga, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua individu dan institusi yang memberikan bantuan dan bimbingan kepada saya, terutama kepada individu dan institusi berikut:

1. Prof. Madya Dr. Abd. Majid Mohd. Isa, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan.
2. Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
3. Encik Kamarudin Husin, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan.
4. Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
5. Dekan, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor.
6. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
7. Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.
8. Pengetua-pengetua Maktab Perguruan yang berkenaan
9. Puan Maryani bt. Hj. Hamzah
10. Puan Masringah bt. Hj. Shukor
11. Cik Siti Erma bt. Abu Bakar
12. Puan Ku Fauziah bt. Ku Mahmud
13. Puan Nik Rosmawati bt. Nik Mohd Nawi

Akhir kata, semoga tesis ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada sesiapa juga.



DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
 BAB	
I PENDAHULUAN	1
Latar Belakang	1
Pernyataan Masalah.....	4
Persoalan Kajian.....	6
Objektif Kajian.....	7
Definisi Operasional.....	8
Pengaruh.....	8
Sikap.....	8
Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.....	9
Guru Pelatih.....	10
Kepentingan Kajian.....	11
II SOROTAN LITERATUR.....	14
Sikap dan kaitannya dengan Pencapaian Akademik.....	15
Pelajar Menengah Rendah.....	15
Pelajar Menengah Tinggi.....	16
Pelajar Maktab Perguruan/Universiti.....	17
Jantina, Ras, dan Status Sosioekonomi Keluarga dan kaitannya dengan Pencapaian Akademik.....	19
Kerangka Konseptual Kajian.....	25
III METODOLOGI KAJIAN.....	28
Reka Bentuk Kajian.....	28
Membina Alat Kajian.....	29
Soal Selidik (Lampiran A).....	29
Ujian Khas (Lampiran C).....	31
Kajian Rintis.....	32



	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian.....	33
	Menentukan Tempat/Lokasi Kajian.....	34
	Memilih Responden.....	35
	Populasi.....	36
	Sampel.....	36
	Menentukan dan Mengenal Pasti Pembolehubah- pembolehubah.....	39
	Pembolehubah Bersandar.....	39
	Pembolehubah Tidak Bersandar.....	39
	Latar Belakang.....	40
	Menentukan Tatacara atau Prosedur	
	Mengumpul Data.....	42
	Memproses dan Menganalisis Data.....	43
	Pekali Cramer V.....	44
	Ujian-t.....	45
	Ujian-F.....	46
	Pekali Hasil Darab Momen Pearson.....	47
IV	HASIL KAJIAN.....	51
	Pendahuluan.....	51
	Profil Responden.....	52
	Pertalian antara Jantina dengan Penguasaan Bahasa Melayu SPM.....	54
	Pertalian antara Ras dengan Penguasaan Bahasa Melayu SPM.....	56
	Pertalian antara Status Sosioekonomi Dengan Penguasaan Bahasa Melayu SPM.....	57
	Perbezaan Penguasaan Tatabahasa mengikut Jantina.....	58
	Perbezaan Penguasaan Tatabahasa mengikut Ras.....	59
	Perbezaan Penguasaan Tatabahasa mengikut Status Sosioekonomi Keluarga.....	60
	Perbezaan Pencapaian Bahasa Melayu SPM dengan Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.....	62
	Pengaruh Sikap terhadap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.....	63
V	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN.....	65
	Rumusan.....	65
	Status Penguasaan Bahasa Melayu SPM.....	65
	Penguasaan Tatabahasa di Kalangan Pelatih.....	66
	Pengaruh Sikap terhadap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.....	66
	Sikap.....	67

Perbezaan Penguasaan Bahasa Melayu SPM Terhadap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.....	67
Perbincangan.....	67
Cadangan.....	69
BIBLIOGRAFI.....	71
LAMPIRAN	
A Soal Selidik.....	78
B Cadangan Ahli-ahli Panel Penyemak Kesahan Soal Selidik.....	86
C Soalan Ujian Khas.....	88
D Cadangan Ahli-ahli Panel Penyemak Kesahan Ujian Khas.....	102
E Senarai Tempat Kajian.....	104
F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian.....	106
G Hasil Kajian Rintis bagi Menentukan Kebolehpercayaan Soalan Ujian.....	117
H Surat Kepada Responden.....	120
LATAR DIRI.....	121

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Bentuk Pemprosesan dan Penganalisan Data berdasarkan Objektif	51
2	Profil Subjek.....	53
3	Kekuatan Perkaitan.....	54
4	Taburan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu SPM bagi Jantina Guru Pelatih.....	55
5	Taburan Pencapaian dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (SPM) bagi Guru Pelatih Keturunan Melayu	56
6	Taburan bagi Tahap Penguasaan Bahasa Melayu SPM Guru Pelatih dengan Status Sosioekonomi Keluarga	58
7	Ujian-t bagi Penguasaan Tatabahasa berdasarkan Jantina.....	59
8	Penguasaan Tatabahasa berdasarkan Ras.....	59
9	ANOVA bagi Penguasaan Tatabahasa berdasarkan Ras.....	60
10	ANOVA bagi Penguasaan Tatabahasa berdasarkan Status Sosioekonomi Keluarga.....	62
11	Penguasaan Tatabahasa berdasarkan Tahap Status Sosioekonomi Keluarga.....	62
12	Penguasaan Tatabahasa berdasarkan Gred Bahasa Melayu SPM.....	63
13	Perkaitan antara Pembolehubah-pembolehubah terhadap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu.....	64

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Kerangka Konseptual Kajian	27



SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Makna
KBSR	Kurikulum Baharu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
BM	Bahasa Melayu
PMR	Penilaian Menengah Rendah
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi sebahagian syarat untuk Ijazah Master Sains

**PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN PENGARUH SIKAP KE ATAS
PENGUASAAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DI KALANGAN
PELATIH MAKTAB PERGURUAN**

Oleh

ABU BAKAR MOHD SHEIKH

Februari 1999

Pengerusi: Profesor Madya Dr. Abd. Majid Bin Mohd. Isa.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menentukan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelatih maktab perguruan dan meneroka pengaruh sikap terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu.

Pendekatan kajian yang digunakan ialah korelasi dan 'Ex-post Facto' di mana seramai 400 orang responden yang terdiri daripada guru pelatih tahun akhir yang mengikuti kursus asas perguruan di lapan buah Maktab Perguruan. Data diperolehi dengan menggunakan Soal Selidik dan Ujian Khas Tatabahasa.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa penguasaan tatabahasa bahasa Melayu di peringkat SPM adalah pelbagai tetapi tidak ada



perbezaan di kalangan lelaki dan perempuan. Yang berbeza ialah di kalangan bangsa dan status sosioekonomi. Selain itu, sikap guru pelatih didapati mempunyai pengaruh yang rendah dan sederhana ke atas penguasaan tatabahasa semasa di maktab. Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan yang praktikal disarankan agar pelatih menguasai tatabahasa bahasa Melayu.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in partial fulfilment of the requirements for the
degree of Master of Science

**MASTERING OF BAHASA MELAYU AND ATTITUDE INFLUENCE
ON THE MASTERING OF BAHASA MELAYU GRAMMAR
AMONG TRAINEES OF THE TEACHER'S
TRAINING COLLEGE**

By

ABU BAKAR MOHD SHEIKH

February 1999

Chairman : Associate Professor Dr. Abd. Majid Bin Mohd. Isa

Faculty : Educational Studies

The main objectives of this study are to determine the mastery of Malay language among teacher Training College trainees and to explore the relationship between attitudes towards Malay Language and the mastery of Malay Grammar. The correlational and ex post facto research methodology approaches are being employed in this study where 400 trainees from eight Teacher Training Colleges are involved as respondents. This finding of this study showed that the mastery of Malay language at SPM level varies. There is no significant difference among gender but there is significant difference in race and socioeconomic status. In addition, trainee's attitude towards Malay language has small to moderate effects towards the mastery



of Malay grammar. Based on these findings, selected practical suggestion are put forth to enhanced trainees mastery of Malay grammar.



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Bahasa Melayu kini memainkan peranan penting sebagai alat komunikasi untuk memperoleh ilmu. Guru semua mata pelajaran seharusnya tahu tentang keupayaan mereka menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan (Kementerian Pendidikan, 1989). Mengikut Nik Safiah Karim (1989), mengetahui bahasa Melayu bererti menggunakan bahasa dengan betul. Menguasai bahasa Melayu pula membawa maksud mengetahui dengan lebih mendalam, menyelami selok-belok bahasa daripada pelbagai segi, bentuk, dan fungsi.

Guru juga harus memahami bahasa Melayu dalam konteks sosiobudayanya, dengan hubungan timbal balik antara penutur dengan bahasa Melayu. Ini kerana penguasaan yang lemah dalam bahasa Melayu merupakan satu gejala sosial yang boleh melemahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menyedari masalah penguasaan bahasa Melayu di kalangan guru, Kementerian Pendidikan Malaysia (1989) menggariskan tiga ciri guru.

Pertama, guru-guru mata pelajaran didapati tidak memberi penekanan yang sewajarnya kepada peranan bahasa Melayu dalam proses pengajarannya. Keduanya, guru-guru mata pelajaran didapati tidak menggunakan bahasa Melayu yang tepat, jelas dan mudah difahami pelajar. Akhirnya, guru-guru mata pelajaran didapati tidak mahir menggunakan laras bahasa Melayu seperti sebutan, istilah dan sebagainya dalam pengajaran. Malangnya, tiada data yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai bilangan guru bagi setiap ciri tersebut. Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah keseragaman penguasaan bahasa, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum.

Konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum adalah padanan daripada "Language Across the Curriculum" yang lahir daripada kajian Jawatankuasa Penyiasatan yang dipengerusikan oleh Sir Allan Bullock di England. Bullock (1975), memperakukan dua perakuan, iaitu: (a) Perakuan 138 yang menegaskan bahawa peringkat sekolah menengah, semua guru mata pelajaran perlu sedar akan proses-proses linguistik, pemerolehan maklumat, dan pemahaman serta implikasi penggunaan bahasa guru. Selain itu, guru perlu sedar akan kehendak linguistik mata pelajaran masing-masing dan cara-cara membantu para pelajar menguasainya, dan (b) Perakuan 139 yang mengesyorkan agar setiap sekolah menengah mempunyai Dasar Bahasa Merentas Kurikulum.

Ekoran daripada "Language Across the Curriculum", lahirah konsep Bahasa Melayu Merentas Kurikulum di Malaysia. Mengikut Kementerian Pendidikan (1988), peranan bahasa Melayu sangat penting. Oleh itu, bahasa Melayu telah dipertingkatkan penggunaan dan penguasaannya demi menghayati hasrat sebagai bahasa ilmu, bahasa perhubungan, dan bahasa pencerminan akal budi masyarakat.

Dengan ini, Bahasa Melayu Merentas Kurikulum berperanan menegaskan aspek bahasa dari segi sebutan, struktur ayat, dan tatabahasa. Strategi pelaksanaannya melibatkan bahan, pelajar dan guru. Justeru, satu kajian yang menyeluruh perlu dijalankan untuk mendapatkan data asas mengenai status pencapaian bahasa Melayu bakal guru di Maktab Perguruan. Dengan adanya data ini, pelbagai usaha boleh dilakukan untuk membaiki dan mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu. Kajian seterusnya juga boleh dijalankan untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang ada kaitannya dengan penguasaan bahasa Melayu di kalangan guru. Jika faktor-faktor ini dapat dikenal pasti, usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dapat dilakukan secara yang lebih sistematik.

Bagi mencapai hasrat ini, guru sebagai model harus meningkatkan kecekapan berbahasa supaya dapat menyampaikan isi pelajaran dalam bahasa yang mudah difahami, tepat, gramatis, dan menggunakan gaya dan laras yang betul. Justeru, guru-guru harus mempunyai mutu yang tinggi

dalam pengetahuan tatabahasa bahasa Melayu dan sikap yang positif bagi menjayakan penggunaan bahasa Melayu yang piawai. Hal ini melibatkan sama semua guru pelatih yang sedang mengikuti latihan ikhtisas di Maktab-maktab Perguruan di seluruh negara.

Pernyataan Masalah

Dunia pendidikan kini bertambah maju dengan pesat dan mencabar. Memandangkan perkembangan ini, peranan guru sebagai agen pelaksana sangat penting terutama dalam memastikan pencapaian hasrat Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang sedang berjalan sekarang.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pula mengandungi konsep 'Bahasa Melayu Merentas Kurikulum'. Hal ini menyebabkan bahasa Melayu sangat diperlukan sebagai penyampai isi pelajaran. Namun, didapati bahawa guru-guru sebagai penyampai sebenar masih lemah dari segi tatabahasa bahasa Melayu. Kelemahan itu menyebabkan berlakunya pelbagai kesalahan bahasa. Abdul Hamid Mahmood (1993) menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini kerap ditemui kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pengguna bahasa Melayu, baik dari segi penggunaan kata, penggunaan imbuhan, penggunaan frasa, mahupun penggunaan ayat.

Faktor-faktor kelemahan mungkin berbeza-beza. Kelemahan itu mungkin disebabkan oleh masalah pelajar, masalah negara, dan masalah kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Namun, salah satu daripada faktor kelemahan itu adalah dari segi pencapaian akademik yakni pengetahuan tatabahasa bahasa Melayu seseorang guru itu. Guru yang dimaksudkan itu meliputi guru terlatih dan guru pelatih di maktab perguruan. Mengikut Koh Boh Boon (1988), sesetengah guru pelatih itu memperlihatkan taraf penguasaan tatabahasa bahasa Melayu yang kurang memuaskan, mereka melakukan kesalahan-kesalahan yang memang tidak dijangkakan. Kelemahan dalam tatabahasa bahasa Melayu ini dibawa oleh guru pelatih ke bilik darjah dan menjejaskan keberkesanan pengajaran mereka.

Oleh itu, perlu sekali dikaji melalui kajian seperti ini, persoalan mengapakah guru, khususnya guru-guru pelatih di maktab perguruan didapati lemah pencapaian dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu? Mengenai tatabahasa bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Malaysia (1991) menjelaskan bahawa kandungan tatabahasa bahasa Melayu terdiri daripada morfologi, sintaksis, fonologi dan semantik. Masalahnya, sejauh manakah pencapaian guru-guru pelatih dalam aspek-aspek tatabahasa ini?

Persoalan Kajian

Memang tidak dapat dinafikan terdapat banyak faktor yang berkaitan dengan penguasaan tatabahasa guru-guru pelatih; antaranya ialah penguasaan BM (SPM), jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga. Walau bagaimanapun, perkara ini telah menimbulkan beberapa persoalan, iaitu:

- (1) Adakah jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga mempunyai pertalian dengan pencapaian dalam BM peringkat SPM guru pelatih berkenaan?
- (2) Apakah perkaitan dan perbezaan sikap guru pelatih dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu?
- (3) Adakah sikap guru pelatih dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu mempunyai perkaitan dengan penguasaan tatabahasa mereka?

Persoalan-persoalan ini memerlukan suatu kajian dan bukti yang nyata yang diharapkan akan berhasil daripada kajian ini. Dengan ini, beberapa cadangan dapat disyorkan bagi memperbaiki kelemahan yang ada di samping menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Guru-guru pelatih juga diharapkan mampu mewujudkan kepekaan mereka terhadap sistem tatabahasa bahasa Melayu dalam pelbagai situasi.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka pengaruh sikap dan penguasaan dalam BM (SPM) guru pelatih maktab perguruan terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu. Objektif khas kajian ini adalah untuk:

1. menentukan pertalian antara jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga guru pelatih maktab perguruan dengan penguasaan mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
2. menentukan perbezaan penguasaan dalam pelajaran tatabahasa bahasa Melayu dari segi jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga guru pelatih maktab perguruan.
3. mengenal pasti pengaruh sikap dan penguasaan dalam BM (SPM) guru pelatih maktab perguruan terhadap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu.

Definisi Operasional

Pengaruh

Pengaruh ialah kuasa yang terbit daripada orang atau benda ke atas orang atau benda yang lain (Kamus Dewan, 1993).

Dalam kajian ini, pengaruh sikap dan penguasaan BM (SPM) guru pelatih maktab perguruan adalah melibatkan pembolehubah demografi. Menurut Page (1977), pembolehubah demografi ialah faktor-faktor yang wujud dalam sesuatu unit sosial dan memperlihatkan keadaan sesuatu masyarakat atau golongan.

Dalam kajian ini, golongan yang dimaksudkan ialah guru pelatih maktab perguruan dan pembolehubah yang dipilih ialah penguasaan BM(SPM), penguasaan tatabahasa, sikap, jantina, ras, dan status sosioekonomi keluarga.

Sikap

Sikap ialah sesuatu yang mempengaruhi seseorang individu dalam memberikan nilai terhadap satu-satu simbol, objek, dan apa jua aspek yang disukai atau tidak disukainya (Katz,1966). Menurut Robyn (1972) sikap ialah suatu perasaan positif atau negatif terhadap apa juga objek, simbol, slogan, institusi, dan orang. Mengikut Syarifah Alwiah Alsagoff (1989) sikap

ialah suatu pembawaan bertindak, mempunyai, atau berasa positif atau negatif terhadap objek, orang, situasi, atau idea. Berdasarkan definisi-definisi ini, dapatlah dirumuskan bahawa sikap itu merupakan perbuatan atau pandangan yang berdasarkan kepada sesuatu pendapat atau fikiran.

Dalam kajian ini, sikap adalah merujuk kepada pembawaan dan pandangan sama ada positif atau negatif, guru pelatih maktab perguruan terhadap pelajaran tatabahasa bahasa Melayu. Item sikap terdiri daripada lima belas item positif dan lima belas item negatif dengan menggunakan skor sikap seperti berikut: Sangat setuju, setuju, kurang pasti, tidak setuju, dan sangat tidak setuju.

Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu

Tatabahasa bahasa Melayu ialah suatu sistem lambang atau sistem pengucapan yang berperaturan yang digunakan sebagai alat perhubungan (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, 1994). Mengikut Arbak Othman (1986), tatabahasa ialah peraturan-peraturan bagaimana perkataan dibentuk dan bagaimana perkataan itu bergabung dengan perkataan-perkataan lain untuk menghasilkan ayat yang gramatis. Nik Safiah Karim *et al.* (1993) pula menjelaskan bahawa tatabahasa bahasa Melayu didasari oleh aspek-aspek atau bidang morfologi dan sintaksis di samping aspek-aspek fonologi dan semantik. Lebih jelas lagi, morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji

struktur, bentuk, dan penggolongan kata (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993). Sintaksis pula ialah bidang bahasa yang membincangkan pembentukan frasa, klausa, dan ayat (Abdullah Hassan, 1987). Seterusnya, mengikut Abdullah Hassan (1987), Fonologi ialah bidang bahasa yang terdiri daripada fonetik dan fonemik; fonetik mengkaji bunyi bahasa, dan fonemik mengkaji bunyi-bunyi yang penting dalam sesuatu bahasa. Akhirnya, semantik ialah bidang bahasa yang mengkaji makna.

Penguasaan pula ialah perihal mengetahui dengan mendalam, atau menjadikan diri mahir (Kamus Dewan, 1993). Dalam kajian ini, penguasaan tatabahasa bahasa Melayu adalah ditumpukan kepada aspek-aspek morfologi dan sintaksis sahaja kerana bidang-bidang ini sering didapati salah penggunaannya di kalangan guru/guru pelatih maktab perguruan.

Dalam kajian ini, penguasaan tatabahasa bahasa Melayu di kalangan guru pelatih maktab perguruan adalah merujuk kepada status penguasaan atau markah yang diperolehi berasaskan keputusan Ujian Khas Pelajaran Tatabahasa (Lampiran C) .

Guru Pelatih

Guru pelatih dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus asas di Maktab-Maktab Perguruan di Malaysia.